

25/01/2002

Kerajaan ada cukup bukti rancangan KMM

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan mempunyai cukup bukti mengenai apa yang dirancang kumpulan dan anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kegiatan KMM yang dibincangkan dalam mesyuarat MT hari ini, menunjukkan gerakan itu sememangnya bertujuan menggunakan kekerasan untuk menjatuhkan kerajaan.

Beliau berkata, anggota KMM tidak yakin dengan sistem demokrasi untuk mencapai matlamat mereka.

"Kita mempunyai cukup bukti mengenai pembabitian mereka dalam kegiatan keganasan dan rancangan keganasan serta hubungan mereka dengan penganas antarabangsa.

"Kita dapat mengesan ramai daripada mereka dan tindakan telah diambil untuk memasukkan mereka dalam tahanan. Kita juga masih menyiasat kegiatan mereka dan akan mengambil tindakan sewajarnya," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau berkata, undang-undang 'preventive' negara ini berjaya menghalang kumpulan itu.

"Menerusi undang-undang berkenaan, kerajaan ada hak memasukkan mereka terbabit ke dalam tahanan tanpa menghadap mereka ke mahkamah," katanya.

Ditanya pemberita mengenai kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa mereka yang mengundi parti itu pada pilihan raya 1990 mendapat pahala kerana membantu membersihkan negeri berkenaan daripada amalan riba, Perdana Menteri berkata:

"Kalau dia orang dapat pahala, kita tengoklah pembangunan di Kelantan. Semua sekarang terdapat di Kelantan...lebih daripada negeri lain."

Ditanya apakah kenyataan itu membahayakan, beliau berkata:

"Ia memang bahaya tetapi Pas tidak pernah peduli bahaya tak bahaya. Yang penting dia dapat sokongan. Dia buatlah dakwaan...dia bercakap seolah-olah dia Tuhan.

"Dia tahu di mana nak tempatkan orang itu, orang ini. Sama ada nak masuk syurgakah...nerakakah? Bagaimana mereka boleh tahu. Apa mandat dia dapat."

Sementara itu, mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan, Dr Mahathir berkata, mesyuarat MT hari ini turut membincangkan prestasi Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya itu.

"Kita telah membincangkan tindakan yang telah diambil dan telah saksikan kelemahan serta kekuatan BN di Indera Kayangan.

"Semua ini akan kita jadikan pengajaran. Saya ucapkan tahniah kepada Datuk Seri Shahidan Kassim kerana kepimpinan cemerlang beliau.

"Juga kepada lain-lain pihak, termasuk Wanita, Puteri dan Pemuda yang menyumbang kepada kejayaan BN," katanya.

(END)